



UCAPAN

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-23

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)
& PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

29 September 2020



PENGENALAN

1. Assalamualaikum WBT dan Salam hormat. Terima kasih kerana bersama saya dalam Laporan Laksana Ke-23 ini. Sesungguhnya, Laporan mingguan ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan Pakej PRIHATIN dan juga PENJANA dijalankan dan dikongsi dengan telus dan terbuka. *This is important as it promotes efficiency in the allocation of public resources. Tracking using real-time data is also vital to ensure better and more targeted policy-formulation for the greater good.*
2. **Laporan LAKSANA Ke-23** akan memberi fokus kepada status pelaksanaan PENJANA dan diikuti oleh ulasan isu semasa. Manakala inisiatif-inisiatif PRIHATIN akan dikongsi sebagai [lampiran](#) dan dimuat naik di laman web Kementerian Kewangan iaitu www.treasury.gov.my serta saluran media sosial rasmi.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

Saudara dan saudara yang dihormati,

3. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat utama iaitu:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

4. Saya mulakan dengan pelaksanaan langkah di bawah Matlamat Pertama PENJANA iaitu Memperkasakan Rakyat yang merangkumi bantuan berbentuk bayaran *one-off*, diskaun, dan inisiatif-inisiatif yang memberi fokus dalam memastikan kelangsungan pekerjaan dan meningkatkan daya saing.
5. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKA B40)** yang dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). PeKA B40 memberi **penekanan kepada golongan B40** bagi **melakukan pengesanan awal untuk penyakit tidak berjangkit**. Di antara 1 Julai sehingga 18 September 2020, sebanyak **90,694** tuntutan diterima yang berjumlah **RM5.92 juta**.
6. Melalui PeKA B40, mereka yang layak [iaitu Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar; dan berumur 40 tahun dan ke atas] akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan untuk melakukan saringan kesihatan di klinik-klinik yang berdaftar dengan PeKA B40.
7. Pemohon yang layak bakal menerima empat manfaat daripada skim ini meliputi perkhidmatan saringan kesihatan. Pendaftaran masih dibuka dan saya ingin menggalakkan mereka yang layak, agar mengambil peluang ini dan mendaftar melalui pautan rasmi KKM iaitu www.peakab40.com.my.

Tempoh 1 Julai 2020 sehingga...	Jumlah Tuntutan*	Nilai Bantuan* (RM juta)
18 September	90,694	5.92
11 September	82,935	5.16
4 September	73,592	4.50
31 Ogos	66,380	3.70
21 Ogos	57,456	2.56

*Jumlah Kumulatif

8. **Kedua**, selaras dengan pembukaan ekonomi, ibu bapa yang bekerja kini sudah mula mempunyai keyakinan untuk menghantar anak-anak ke pusat asuhan kanak-kanak. **Bagi menggalakkan pusat asuhan kanak-kanak mengamalkan *Standard Operating Procedures* (SOP) norma baharu dan pengiktirafan premis, geran secara *one-off* yang bernilai sehingga RM5,000 disalurkan kepada setiap pengendali taska dan tadika yang berdaftar** di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Insentif untuk melatih pengasuh baharu turut disediakan bagi penjagaan kanak-kanak dan kursus pendidikan awal di bawah KPWKM. **Setakat 18 September 2020, sejumlah RM18.91 juta telah dimanfaatkan oleh hampir 12,000 taska dan tadika** bagi tujuan ini.
9. Semasa PKP mula dilaksanakan pada **18 Mac 2020**, cabaran getir terutamanya dalam memastikan para majikan dapat mengekalkan pekerja mereka amat dititikberatkan oleh Kerajaan. Sehubungan itu Kerajaan telah merangka inisiatif yang menyeluruh dalam memastikan isu pengangguran tidak meningkat secara mendadak. Antara inisiatif yang berkenaan adalah:
- a. **Pertama, Program Subsidi Upah.** Bantuan bagi **Program Subsidi Upah** kepada majikan ini yang asalnya untuk tempoh hanya 3 bulan (April, Mei dan Jun) telah dilanjutkan selama 3 bulan tambahan (Julai, Ogos dan September) di bawah PENJANA yang menjadikan 6 bulan secara keseluruhan, dan tidak lama lagi dilanjutkan lagi antara 3 hingga 6 bulan (bagi pemohon sedia ada dan baharu) di bawah pakej KITA PRIHATIN. Setakat 18 September 2020, sebanyak **RM11.93 bilion subsidi upah** telah diluluskan yang memanfaatkan lebih **2.6 juta pekerja**.

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
18 September	11.930	2.627	323,583
11 September	10.440	2.626	321,145
4 September	10.414	2.622	320,701
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah Kumulatif

Di kesempatan ini, saya ingin memaklumkan bahawa dalam ketika Kerajaan berusaha membantu perniagaan dan pekerja untuk kelangsungan perniagaan mereka, saya berasa sedih dengan **syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab yang tergamak mengambil kesempatan melalui program subsidi upah**. Kerajaan mendapat laporan bahawa sejumlah lebih kurang RM500,000 subsidi upah yang sepatutnya dibayar kepada pekerja, telah diambil oleh majikan. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada majikan yang melakukan kesalahan ini.

- b. **Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan** dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion. Secara keseluruhannya **seramai 38,186** pekerja (peningkatan daripada **33,688** minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan. Jumlah ini merangkumi **29,575 orang di bawah umur 40 tahun, 4,829 orang bagi golongan berusia di antara 40 - 60 tahun, 270 OKU dan 3,512 perantis.**

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
18 September	29,575	4,829	270	3,512	38,186
11 September	25,752	4,324	256	3,356	33,688
4 September	21,604	3,722	232	3,019	28,577
28 Ogos	18,354	3,266	178**	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah kerana selepas penyelarasan dan analisa lanjut, sejumlah pemohon didapati bukan OKU

- c. **Ketiga, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Beberapa Kementerian dan agensi telah menyelaraskan program “*reskilling & upskilling*” supaya dapat memenuhi kehendak industri. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan dan melatih kemahiran baharu kepada para peserta. Kementerian dan agensi yang telah memulakan inisiatif ini adalah:

Bil.	Kementerian/Agensi	Pautan
1.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	http://ebelia.iyres.gov.my/
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	https://www.insken.gov.my/pendaftaran/
3.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	great.mohe.gov.my
4.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Penjana.mara.gov.my
5.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html
6.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	penjanahrdf.com.my
7.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/

Sila layari laman web Kementerian dan Agensi seperti di pautan bagi maklumat lanjut.

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

Saudara dan saudari yang dihormati,

10. Seterusnya adalah pelaksanaan langkah di bawah **Matlamat 2 PENJANA** iaitu **Melonjakkan Perniagaan**.
11. PKS selaku komponen penting dalam pertumbuhan ekonomi negara turut diberikan keutamaan dalam memastikan kelangsungan perniagaan mereka. Pakej PENJANA terus bertujuan meningkatkan akses kepada pembiayaan dalam memulihkan beban aliran tunai jangka pendek PKS.
12. **Pertama, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun atau TEKUN Business Recovery Scheme – TBRs**). Setakat 18 September 2020, sebanyak **RM73.6 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **11,059 PKS Mikro**.

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah disalurkan* (RM juta)
18 September	11,059	73.6
11 September	10,649	71.2
4 September	9,313	62.7
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

13. **Kedua, Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Setakat 18 September 2020, sebanyak **RM55.31 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **1,480 PKS dan PKS Mikro**.

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah disalurkan* (RM juta)
18 September	1,480	55.31
11 September	1,146	42.92
4 September	744	28.27
28 Ogos	399	15.23

**Jumlah Kumulatif*

14. **Ketiga, Pembiayaan PKS PENJANA.** Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman dari bank sebelum ini. Sehingga 18 September 2020, sebanyak **3,058 permohonan PKS telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM742.8juta.**

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah nilai pinjaman* (RM juta)
18 September	3,058	742.8
11 September	2,566	639.6
4 September	2,131	562.3
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

**Jumlah Kumulatif*

15. Bagi memastikan **kelangsungan usahawan Bumiputera pula, Kerajaan juga menyediakan program pembiayaan Bumiputera berjumlah RM500 juta** untuk disalurkan melalui dua agensi berikut, iaitu:
- a. **Pertama, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).** Kriteria kelayakkan tertumpu kepada kegunaan dana bagi modal kerja; perbelanjaan operasi; automasi sistem; serta peralatan dan perbelanjaan untuk melaksanakan SOP seperti amalan penjarakan fizikal dan kegunaan alat perlindungan diri. Kemudahan pembiayaan adalah **dari RM100,000 sehingga RM1 juta** bagi tempoh sehingga lima tahun pada **kadar faedah 3.5% setahun beserta moratorium sehingga enam bulan dari tarikh pengeluaran.** Sehingga 18 September 2020, sebanyak **RM16.22 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **41 perniagaan Bumiputera.**

- b. **Kedua, melalui MARA** yang berupa **pinjaman modal kerja** untuk membantu usahawan Bumiputera yang terjejas, termasuklah sektor pendidikan swasta dengan **had maksimum jumlah pinjaman RM1 juta** dengan **kadar faedah 3.5%** setahun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mara.gov.my.

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

Saudara dan saudari yang dihormati,

16. Seterusnya adalah pelaksanaan langkah di bawah **PENJANA Matlamat 3** iaitu **Merangsang Ekonomi**.
17. **Pertama**, Permohonan ePenjana telah ditutup pada 24 September 2020. Sehingga 18 September 2020, **11.15 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-Dompot mereka dengan jumlah nilai sebanyak RM557.46 juta**. Penerima ePENJANA dingatkan bahawa **kredit di dalam e-dompot ini perlu digunakan sebelum 30 September 2020**. Selepas tarikh tersebut nilai kredit akan luput daripada akaun pengguna e-dompot tersebut.
18. **Kedua, Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan**. Antara peruntukan yang disediakan adalah **sejumlah RM100 juta di dalam bentuk pinjaman dengan faedah 3.5% dan RM30 juta geran untuk industri kreatif, acara dan pameran di bawah MyCreative Venture; manakala RM10 juta adalah di bawah CENDANA**. Sehingga 18 September 2020, **sebanyak 46 permohonan** telah diterima bagi **MyCreative Venture bernilai RM34.2 juta** dan bagi inisiatif CENDANA pula sebanyak **120 permohonan** telah diluluskan bernilai **RM439,120**. Para penggiat industri kreatif adalah disaran untuk menggunakan peluang kemudahan yang disediakan dalam menghasilkan karya-karya mereka. Semua pemain industri terlibat boleh memohon bantuan dari agensi berkaitan. Sila layari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

PAKEJ KITA PRIHATIN

Saudara dan saudari yang dihormati,

19. Pada 23 September 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: **KITA PRIHATIN bernilai RM10 bilion yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat; mengekalkan pekerjaan; dan membantu perniagaan terutamanya PKS.** Di bawah KITA PRIHATIN, 3 bantuan utama adalah berkaitan:
 20. **Pertama, Program Subsidi Upah 2.0 dengan peruntukan RM2.4 bilion:** Kerajaan sedar masih ada syarikat yang mengalami kekangan aliran tunai. Bagi membantu syarikat yang mengalami pengurangan hasil sekurang-kurangnya 30 peratus berbanding tahun lepas, mereka boleh memohon **subsidi upah pada kadar RM600 sebulan untuk setiap pekerja sehingga maksimum 200 pekerja.** Permohonan akan dibuka dari **1 Oktober sehingga 31 Disember 2020.** Langkah ini dijangka akan memanfaatkan **1.3 juta pekerja.**
 21. **Kedua, pembukaan semula permohonan Geran Khas PRIHATIN (GKP),** Kerajaan mendengar dan amat Prihatin terutamanya kepada kelangsungan peniaga-peniaga mikro. Kepada mereka yang layak tetapi tidak berkesempatan untuk mendapatkan GKP terdahulu, **permohonan ini boleh dibuat bermula 1 Oktober hingga 31 Oktober 2020 dan bayaran disasarkan akan dibuat mulai 25 November 2020.**
 22. **Ketiga, Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 dengan peruntukan RM7 bilion.** Kerajaan mengambil maklum kesukaran yang masih dihadapi oleh golongan B40 dan M40. **Bayaran BPN 2.0 akan dibuat dalam dua ansuran, pertamanya pada hujung bulan Oktober 2020 dan keduanya, pada bulan Januari 2021.** Tiada permohonan perlu dibuat bagi penerima BSH. Hanya penerima yang tidak pernah menerima bantuan BSH atau BPN sebelum ini perlu memohon.
23. **Soalan-Soalan Lazim bagi ketiga-tiga langkah ini** boleh didapati melalui pautan www.treasury.gov.my/index.php/KitaPrihatin2020. InsyaAllah, ketiga-tiga langkah dengan suntikan fiskal tambahan RM10 bilion ini dijangka akan menyumbang 3.7 – 4.0 mata peratusan kepada KDNK negara 2020.
24. Kerajaan yakin bahawa KITA PRIHATIN akan mengekalkan momentum pemulihan bagi petunjuk-petunjuk ekonomi seperti penurunan kadar pengangguran, peningkatan Indeks Pengeluaran Perindustrian, peningkatan Indeks Pelopor, dan juga sektor runcit dan rekreasi.

ULASAN ISU SEMASA

25. Pada **21 September** yang lalu, saya telah membentangkan **Rang Undang-Undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (COVID-19) 2020** bagi sesi **Penggulungan Kementerian Kewangan di Dewan Negara**. RUU ini bertujuan untuk menyokong inisiatif pemulihan ekonomi oleh Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Alhamdulillah, **RUU ini telah diluluskan di Dewan Negara**. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Dewan Negara, dari pihak Kerajaan mahupun pihak Pembangkang, yang secara komited terlibat dalam perbahasan dan proses pengundian demi memastikan objektif RUU tersebut dapat dicapai.
26. Pada **27 September** lepas, saya telah turun padang ke Shah Alam Convention Centre (SACC) untuk meninjau usaha Bank Negara Malaysia dan sektor perbankan di dalam membantu peminjam-peminjam yang ingin melanjutkan moratorium atau mengambil bantuan bank bersasar. **Terima kasih diucapkan kepada bank-bank yang telah giat menghubungi peminjam mereka sejak bulan Julai lagi. Setakat ini, bagi jumlah pemohon yang memerlukan lanjutan moratorium atau bantuan bank bersasar, sekitar 98% telahpun diluluskan.** Kerajaan amat menghargai komitmen dari bank-bank untuk terus membantu individu dan peniaga yang masih terkesan.
27. Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) juga telah mengadakan **Kaji Selidik PRIHATIN** melibatkan **lebih 11,000 responden baru-baru ini**. LAKSANA telah turun padang di beberapa lokasi bagi mendengar sendiri maklum balas daripada golongan B40, M40 dan T20. Semua cadangan dan maklum balas yang diterima akan diperhalusi dan beberapa penambahbaikan terhadap beberapa inisiatif akan dipertimbangkan. Sebagaimana yang saya pernah katakan sebelum, kita perlu bersifat dinamik dan bukan statik. Kerajaan harus bersedia menambahbaik langkah-langkah selaras dengan sebarang perubahan semasa. **Perincian lanjutan mengenai keputusan Kaji Selidik PRIHATIN akan dimaklumkan dalam sedikit masa lagi.**
28. Berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19 terutamanya di Sabah, saya ingin mengingatkan agar kita semua sentiasa menjaga kesihatan dan mematuhi SOP. Sehubungan itu, sukacita saya memaklumkan bahawa pada 18 September, **Kementerian Kewangan juga telah meluluskan penyambungan kontrak secara one-off selama tempoh enam (6) bulan bagi 2,070 Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi.** Ini melibatkan jumlah sebanyak **RM81 juta** yang sedia diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang COVID19. Saya juga mendoakan kita dilindungi daripada sebarang musibah dan dikurniakan keselamatan dan kesihatan yang baik.

29. Sebelum saya akhiri laporan untuk kali ini, terimalah serangkap pantun dari saya, khas buat rakyat Sabah:

*Sekawan pekaka berbulu jingga,
Di pagi cerah di dahan berangan;
Kesihatan bersama harus dijaga,
Semoga Sabah dalam lindungan.*

30. Sekian, wabillahitaufik walhidayyah. Assalamualaikum wbt. Terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
29 September 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sehingga 18 September 2020, jumlah pengeluaran kumulatif di antara April sehingga Ogos 2020 adalah sebanyak RM9.25 bilion (peningkatan daripada RM9.03 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.63 juta penerima (peningkatan daripada 4.62 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 18 September 2020, sebanyak RM270.42 juta telah disalurkan berdasarkan 844,810 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Pemandu Teksi	Setakat 18 September 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan tunai <i>one-off</i> kepada 33,822 pemandu teksi yang berjumlah RM20.29 juta .
4.	Pemandu Pelancong	Sehingga 18 September 2020, seramai 7,629 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,622 pemandu) telah menerima bantuan tunai <i>one-off</i> berjumlah RM4.6 juta .
5.	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran tunai <i>one-off</i> kepada pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 18 September 2020, seramai 2,902 pemandu bas pelancong telah menerima bantuan berjumlah RM1.74 juta .

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN					
6.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Sehingga 18 September 2020, sebanyak 69,864 permohonan (peningkatan daripada 69,417 minggu lalu) telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 13,090 permohonan telah diluluskan bernilai RM84.95 juta (peningkatan daripada RM84.8 juta minggu lalu) bagi caruman KWSP majikan.			
		Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
		18 September	69,864	13,090	85.0
		11 September	69,417	13,040	84.8
		4 September	68,985	12,994	84.5
		28 Ogos	68,532	12,904	84.2
		31 Julai	65,986	12,425	82.1
		26 Jun	36,107	9,542	63.9
		31 Mei	26,509	5,245	34.8
*Jumlah kumulatif					
7.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 18 September 2020, pembayaran telah dibuat kepada 11,211 PKS (peningkatan daripada 11,006 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM374.3 juta (peningkatan daripada RM369.1 juta minggu lepas).			
8.	Program TEKUN	Setakat 18 September 2020, pembayaran telah dibuat kepada 25,723 PKS (peningkatan daripada 25,716 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM195.1 juta (peningkatan daripada RM195.0 juta minggu lepas).			

9.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 18 September 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM10.6 bilion (peningkatan daripada RM10.5 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 22,925 PKS (peningkatan daripada 22,822 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana Special Relief Facility (SRF), Automation & Digitalisation Facility (ADF), All-Economic Sector Facility (AES) dan Agrofood Facility (AF). <table border="1" data-bbox="480 521 1361 960"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>18 September</td><td>10.6</td><td>22,925</td></tr> <tr> <td>11 September</td><td>10.5</td><td>22,822</td></tr> <tr> <td>4 September</td><td>10.4</td><td>22,688</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	18 September	10.6	22,925	11 September	10.5	22,822	4 September	10.4	22,688	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																											
18 September	10.6	22,925																											
11 September	10.5	22,822																											
4 September	10.4	22,688																											
28 Ogos	10.3	22,440																											
Julai	9.6	21,410																											
Jun	8.4	19,539																											
Mei	6.9	16,833																											
April	1.5	3,636																											
MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI																													
10.	Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan	Setakat 18 September 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah RM93.44 bilion. Daripada angka ini, sebanyak RM32.7 bilion adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh peminjam individu bernilai RM60.74 bilion.																											